

19 JUL 1996

Mahathir-Perniagaan

TEMPATKAN SEMULA INDUSTRI TEMPATAN DI KAZAKHSTAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Rachman Nordin

ALMATY, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru sektor swasta Malaysia supaya menempatkan semula aktiviti mereka ataupun menceburi aktiviti hiliran di Kazakhstan sebagai sebahagian daripada strategi globalisasi Malaysia.

"Kazakhstan dengan pelbagai galian, minyak, gas dan bahan mentah lain merupakan tempat yang sesuai untuk pelaburan," kata beliau semasa berucap dalam satu pertemuan dengan lebih kurang 500 ahli perniagaan Kazakhstan dan Malaysia, di sini.

Dr Mahathir menyeru masyarakat perniagaan Malaysia dan Kazakhstan supaya jangan terpedaya dengan mitos yang perdagangan tidak boleh dijalankan dan tidak akan berkembang di kalangan negara-negara membangun.

Beliau berkata, eksport Malaysia ke negara-negara Selatan tahun lepas merupakan 16.9 peratus daripada jumlah eksport berbanding 12.2 peratus pada 1990.

Timbalan Perdana Menteri Kazakhstan, G.Shtoik dan Pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli yang mengetuai delegasi 80-ahli perniagaan Malaysia yang mengiringi Dr Mahathir dalam lawatan itu turut hadir di pertemuan itu.

Sejak melancarkan pembaharuan pasaran, Kazakhstan telah muncul sebagai antara ekonomi yang paling stabil dengan pendapatan perkapita yang tinggi secara bandingan di Asia tengah dan juga menjadi destinasi menarik bagi pelabur asing.

Di bawah strategi globalisasi, Malaysia menggalakkan industrinya untuk ditempatkan semula ataupun mencari sumber-sumber di negara-negara Selatan yang mana faktor pengeluaran lebih kompetitif.

Dr Mahathir yang berada dalam hari kedua lawatan rasmi tiga harinya ke sini berkata, peluang-peluang bagi usahasama dengan Kazakhstan wujud dalam bidang peralatan telekomunikasi, bahan kimia, peralatan pejabat, perabot dan pemerosesan makanan.

Beliau berkata, Malaysia boleh membentuk usahasama dengan syarikat-syarikat Kazakhstan untuk import, menyimpan dan mengedarkan produk buatan Malaysia ke negara-negara anggota Kesatuan Ekonomi Asia Tengah yang di kelilingi daratan.

Dr Mahathir berkata, rangka kerja perlu bagi hubungan perniagaan dan perdagangan Malaysia-Kazakhstan sudah ada dalam bentuk Perjanjian Perdagangan, Perjanjian Jaminan Pelaburan dan Perjanjian Ekonomi, Saintifik dan Kerjasama teknikal.

"Perjanjian-perjanjian ini menunjukkan keikhlasan dan sejauh mana seriusnya kedua-dua negara dalam menggalakkan hubungan ekonomi dua hala. Kini terpulang kepada sektor perniagaan Kazakhstan dan Malaysia untuk pergi melampaui perjanjian-perjanjian ini untuk menjadikan apirasi ini satu kenyataan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, pelonggaran berterusan kawalan perdagangan dan pengurangan tarif import dan eksport barangan pengguna seperti pakaian, perabot dan kenderaan akan memberi sumbangan positif dalam meningkatkan perdagangan dua hala antara Kazakhstan dan Malaysia.

Perdagangan terus antara Malaysia dan Kazakhstan kini mencatatkan purata AS\$4.7 juta (RM11.88 juta) setiap tahun dengan eksport Malaysia ke Kazakhstan tahun lepas berjumlah AS\$0.98 juta (RM2.5 juta) dan import berjumlah AS\$3.6 juta (RM9 juta).

Tetapi Dr Mahathir berkata, kedudukan perdagangan sekarang antara

kedua-dua negara tidak menunjukkan potensi sebenar hubungan dua hala Malaysia-Kazakhstan.

Dalam ucapannya Timbalan Perdana Menteri Shtoiik memberi jaminan kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia yang kerajaan Kazakhstan menjamin "keselamatan pelaburan asing dan pelabur asing, hak untuk menghantar pulang keuntungan dan keistimewaan-keistimewaan lain".

Buat masa ini Kazakhstan mempunyai lebih 700 usahasama dengan rakan-rakan asing daripada 70 negara dengan jumlah pulangan perdagangan sebanyak AS\$600 juta, kata beliau.

Beliau menyeru rakyat Malaysia yang bercadang melabur di negara itu untuk mengambil kesempatan daripada kedudukan strategik negara itu di sepanjang sektor Istanbul (Turki) - Lyangyung (China) landasan keretapi Trans Asia yang mula beroperasi May lepas.

Kemudian Dr Mahathir melawat dan menunaikan sembahayang Jumaat di masjid utama ibu negara itu dan juga melawat kebun masyarakat Talgarsky dekat sini dan muzium pusat.

Sebelum itu, Dr Mahathir meletakkan kalungan bunga di tugu peringatan kemenangan. -- BERNAMA

RN PR